



[Home](#) / [2025](#) / [October](#) /

Anatomi di Hujung Jari: UiTM Buka Pintu Makmal kepada Komuniti Sekolah dan Awam

SINERGI

31/10/2025 / DR MUHAMMAD FAIRUZ AZMI



SUNGAI BULOH, 13 Oktober 2025 – Jabatan Anatomi, Fakulti Perubatan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah menganjurkan *Anatomy Open Day 2025* bersempena sambutan Hari Anatomi Sedunia (*World Anatomy Day*) yang disambut di seluruh dunia pada 15 Oktober. Inisiatif pendidikan dan kesedaran awam ini telah berlangsung di Dewan Demonstrasi Anatomi UiTM Sungai Buloh.

Program tersebut telah menerima sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran lebih **400 orang pengunjung**. Kehadiran terdiri daripada warga UiTM Sungai Buloh serta delegasi pelajar dan

guru dari Sekolah Kebangsaan Sungai Buloh, Sekolah Kebangsaan Seksyen 9 Kota Damansara, dan Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam (SRITI) Subang.



Para pengunjung berpeluang mendekati dan memahami keindahan serta keunikan anatomi manusia melalui pelbagai pameran, demonstrasi, dan aktiviti interaktif yang dikendalikan oleh pensyarah dan pelajar perubatan UiTM. Suasana sepanjang program berlangsung amat meriah dengan semangat ingin tahu dan keterujaan yang tinggi dalam kalangan pelajar serta masyarakat yang hadir.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh **Prof. Ir. Ts. Dr. Hj. Solehuddin Shuib, Penolong Rektor UiTM Kampus Cawangan Sungai Buloh**, diiringi oleh **Prof. Madya Dr. Leny Suzana Suddin**. Kedua-duanya turut berkongsi kata-kata semangat dan penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan penganjuran program ini.

Ketua Jabatan Anatomi, **Dr. Muhammad Fairuz Azmi**, merakamkan penghargaan kepada seluruh ahli jawatankuasa penganjur dan para fasilitator atas komitmen dan dedikasi tinggi yang diberikan sehingga program berjalan lancar dan mencapai objektifnya.

“Diharapkan semangat mencintai ilmu anatomi ini terus subur, bukan sahaja dalam kalangan pelajar perubatan tetapi juga masyarakat umum, agar kefahaman tentang tubuh manusia dapat dipupuk sejak peringkat awal,” ujar beliau. Penganjuran *Anatomy Open Day 2025* ini mengukuhkan peranan Fakulti Perubatan UiTM sebagai penyebar ilmu dan pusat rujukan anatomi kepada komuniti.



Tags: [Fakulti Perubatan](#), [Sekolah Kebangsaan Seksyen 9 Kota Damansara](#), [Sekolah Kebangsaan Sungai Buloh](#), [Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam \(SRITI\) Subang](#), [UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

Program CSR Community Care: One Heart One Effort Perkukuh Tanggungjawab Sosial UiTM

Jejak Sumud Flotilla ke UiTM Dengkil: Menyulam Inspirasi, Menyemai Keinsafan

QUICK
LINKS

HUBUNGI
KAMI



[Ministry of Higher Education](#)

[Academic Calendar](#)

[Intake Calendar](#)

[Graduate Quick Search](#)

[Library](#)

[UiTM Holdings](#)

[WiFi UiTM](#)

[E-Complaint](#)

Universiti Teknologi MARA

(UiTM)

40450 Shah Alam, Selangor

Darul Ehsan

Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000